



**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN
DI PUSAT PENGURUSAN MAKMAL ALAMI DAN FIZIKAL UKM (ALAF-UKM)**

Pihak Pusat Pengurusan Makmal Alami dan Fizikal UKM (ALAF-UKM), UKM mempelawa Warganegara Malaysia yang berkeelayakan, komited dan berdedikasi untuk berkhidmat di ALAF-UKM bagi jawatan berikut:

1. PENOLONG PEGAWAI SAINS GRED C5 (kontrak)

Maklumat dan keperluan jawatan adalah seperti berikut:

I. Jadual Gaji Minimum – Maksimum Gred C5:

Gaji	Minimum	RM 1,650.00
	Maksimum	RM 6,620.00
Elaun	Imbuan Tetap Perumahan (ITP)	RM 300.00
	Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA)	RM 160.00
	Bantuan Sara Hidup (BSH)	RM 350.00
Kenaikan gaji tahunan	RM 145.00	
Taraf Jawatan	Kontrak (Pelanjutan tertakluk kepada prestasi dan kewangan projek yang mengizinkan)	
Lokasi dan kekosongan	Makmal i-CRIM, UKM Bangi, Selangor. – satu (1) kekosongan	

II. Syarat Lantikan:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Kelayakan akademik seperti berikut:
 - i. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan mendapat Prinsipal dalam subjek Matematik atau Sains pada peringkat peperiksaan tersebut; atau
 - ii. Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia dalam jurusan Sains yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - iii. Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

- iv. Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - v. Diploma Sains atau Diploma Teknologi Makmal Perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - vi. Diploma Sains dalam bidang Kimia Industri atau Mikrobiologi yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

III. Kemahiran Dan Pengalaman Khusus Dalam:

- (a) Mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- (b) Berpengetahuan dan berkemahiran dalam pengendalian peralatan makmal khususnya peralatan mikroskopi.
- (c) Berkebolehan dalam membantu untuk merancang, menyelaras dan mengurus operasi makmal.
- (d) Berpengetahuan dalam urusan perolehan, aset, dan inventori.
- (e) Boleh bekerja di bawah penyeliaan minimum dan berdedikasi.

IV. Deskripsi Tugas:

- (a) Mengendalikan instrumen *Transmission Electron Microscope* (TEM).
- (b) Membantu menyediakan sampel untuk analisis TEM.
- (c) Membantu pengurusan tempahan penggunaan instrumen.
- (d) Membantu pengurusan tuntutan caj penggunaan peralatan makmal.
- (e) Membantu melaksanakan aktiviti tahunan yang dirancang.

2. PEMBANTU MAKMAL GRED C1 (kontrak)

Maklumat dan keperluan jawatan adalah seperti berikut:

V. Jadual Gaji Minimum – Maksimum Gred C1:

Gaji	Minimum	RM 1,500.00
	Maksimum	RM 4,680.00
Elaun	Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)	RM 300.00
	Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA)	RM 115.00
	Bantuan Sara Hidup (BSH)	RM 300.00
Kenaikan gaji tahunan	RM 100.00	
Taraf Jawatan	Kontrak (Pelanjutan tertakluk kepada prestasi dan kewangan projek yang mengizinkan)	
Lokasi dan kekosongan	Makmal Bioserasi, UKM Bangi, Selangor. – satu (1) kekosongan	

VI. Syarat Lantikan:

3. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Kelayakan akademik seperti berikut:
 - i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Kepujian dalam subjek Matematik atau salah satu daripada subjek Sains pada peringkat peperiksaan tersebut; atau
 - ii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. ; atau
 - iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

4. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

VII. Kemahiran Dan Pengalaman Khusus Dalam:

- (f) Mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- (g) Pengalaman bekerja dalam makmal, terutamanya makmal yang melibatkan kajian *in vivo* atau pengurusan haiwan makmal adalah satu kelebihan
- (h) Mempunyai kemahiran asas dalam penyediaan bahan ujian, penjagaan haiwan, pengendalian peralatan makmal, pengumpulan data, dan dokumentasi kajian.
- (i) Memahami keperluan SOP, etika haiwan, piawaian GLP, serta ISO/IEC 17025.
- (j) Boleh bekerja di bawah penyeliaan minimum dan berdedikasi.

VIII. Deskripsi Tugas:

- (f) Membantu dalam penjagaan, pemantauan kebajikan dan kesihatan haiwan makmal.
- (g) Menyediakan, melabel dan menyimpan alat radas, bahan ujian, haiwan ujian, dan peralatan mengikut keperluan pengujian makmal.
- (h) Membantu dalam pelaksanaan prosedur pengujian , termasuk penyediaan sampel untuk analisis dan pengendalian haiwan makmal secara beretika.
- (i) Mengendalikan peralatan makmal yang asas.
- (j) Membantu merekod data semasa pengujian dijalankan.
- (k) Membantu melaksanakan aktiviti tahunan yang dirancang.

CARA MEMOHON:

- a) Menghantar permohonan dengan mengemukakan **Latar Diri lengkap dengan sijil/dokumen berkaitan yang telah disahkan** melalui Google Form di pautan berikut:

<https://forms.gle/rgxy3Wh7dyMpbGUj8> (Penolong Pegawai Sains)
<https://forms.gle/wf63B5FJBpyM8y9p6> (Pembantu Makmal)
- b) Calon-calon **yang disenarai pendek** sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga secara dalaman di Pusat Pengurusan Makmal Alami dan Fizikal UKM (ALAF-UKM), UKM Bangi, Selangor.
- c) Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam **tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.**

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Ketua Pentadbiran ALAF-UKM

Pusat Pengurusan Makmal Alami dan Fizikal UKM (ALAF-UKM)

UKM Bangi, Selangor.

No. Tel: 012-3903391/019-3166169

(e-mel: kpalaf@ukm.edu.my/pghalaf@ukm.edu.my)

Sila layari laman sesawang berikut untuk maklumat lanjut berkaitan kami di <http://www.ukm.my/alafukm>

Tarikh Buka Iklan : 13 Mac 2026 (Jumaat)

Tarikh Tutup Iklan: 30 Mac 2026 (Isnin)